



## PACIFIC & ORIENT INSURANCE CO. BERHAD

Nombor Pendaftaran. 197201000959 (12557-W)

### Ahli Kumpulan Pacific & Orient

Tingkat 11, Wisma Bumi Raya, No. 10, Jalan Raja Laut, 50350 Kuala Lumpur.  
P. O. Box 10953, 50730 Kuala Lumpur. Laman Web: [www.poi2u.com](http://www.poi2u.com)  
Telefon: 03-2698 5033 Faks: 03-2693 8145 Talian Bebas Tol: 1 800 88 2121  
SST Nombor pendaftaran: W10-1808-31021805

## LEMBARAN PENDEDAHAN PRODUK

(Baca Lembaran Pendedahan Produk ini sebelum anda memutuskan untuk mengambil polisi PrOmilej. Pastikan juga anda membaca terma dan syarat am.)

**PrOmilej**

Tarikh:

### 1. Apakah produk ini?

Polisi ini adalah PrOmilej yang menyediakan insurans komprehensif untuk kereta peribadi anda dan melindungi:

- Kerugian atau kerosakan kenderaan anda kerana kemalangan, kebakaran atau kecurian dalam jarak tempoh yang diperuntukkan; dan
- Kecederaan anggota badan pihak ketiga, kematian atau kerosakan harta benda pihak ketiga tanpa mengira jarak tempoh yang diperuntukkan

### 2. Apakah faedah yang diberikan?

Faedah yang diberikan di bawah polisi ini adalah seperti berikut:

- Polisi ini akan memberi ganti rugi kepada anda sekiranya kenderaan anda hilang atau rosak dalam jarak tempoh yang diperuntukkan yang timbul daripada:
  - Perlenggaran atau kenderaan terbalik secara tidak sengaja;
  - Perlenggaran atau kenderaan terbalik disebabkan kerosakan mekanikal;
  - Perlenggaran atau kenderaan terbalik disebabkan oleh haus dan lusuh;
  - Kerosakan kesan yang disebabkan oleh objek yang jatuh dengan syarat tidak ada konvulsi semula jadi yang terlibat;
  - Kebakaran, letupan atau disambar kilat;
  - Kerosakan cermin depan / belakang, tingkap atau bumbung tingkap kenderaan termasuk filem salutan /berwarna jika ada;
  - Kecurian atau kecurian kenderaan dalam kawasan rumah;
  - Perbuatan niat jahat; atau
  - Semasa dalam perjalanan atau transit.
- Liabiliti keseluruhan untuk kecederaan anggota badan dan kematian pihak ketiga tidak terhad, namun jumlah liabiliti terhad kepada RM3 juta untuk kehilangan atau kerosakan harta benda pihak ketiga sehubungan dengan satu tuntutan atau tuntutan bersiri yang timbul daripada satu kejadian;
- Polisi ini akan melindungi wakil sah di sisi undang-undang orang tersebut bagi liabiliti yang dilindungi berikutan kematian orang tersebut;
- Polisi ini akan menanggung kos guaman sehingga amaun maksima RM2,000 untuk membela sebarang pertuduhan termasuk tuduhan menyebabkan kematian di sebabkan memandu kenderaan yang di insurankan dan
- Jarak tempoh tambahan sebanyak 500km.

Manfaat pilihan yang mungkin anda ingin beli dengan membayar premium tambahan:

- Kerosakan cermin depan / belakang
- Perlindungan liabiliti penumpang
- Kerosakan berpunca dari banjir dan tanah runtuhan

**Nota: Adalah suatu kesalahan di bawah undang-undang Republik Singapura untuk memasuki negara ini tanpa membeli perlindungan liabiliti penumpang kepada insurans motor anda.**

Tempoh perlindungan adalah selama satu tahun. Anda perlu memperbaharui perlindungan insurans setiap tahun.

### **3. Apa itu PrOmilej?**

PrOmilej menawarkan faedah insurans kereta Komprehensif dengan premium yang menyumbang kepada jarak tempoh yang dikurangkan dalam setahun. Ia berdasarkan jarak maksimum yang anda jangkakan untuk melakukan perjalanan selama tempoh insurans. Insurans kereta persendirian komprehensif tradisional boleh dikira mahal, terutamanya jika anda tidak selalu memandu. Jenis polisi ini menawarkan pendekatan yang lebih fleksibel untuk insurans kereta dari insurans komprehensif tradisional.

a) Bagaimana caranya?

Pilih pelan pemanduan yang paling sesuai dengan anda (bergantung pada penggunaan anda) dan semakin kurang anda merancang untuk memandu, semakin banyak anda dapat berjimat. PrOmilej dapat memberikan perlindungan komprehensif sepenuhnya dengan syarat premium telah dibayar tepat pada waktunya, dan anda tetap berada dalam jarak tempoh yang diperuntukkan. Perlindungan pihak ketiga tidak terjejas oleh jarak tempoh anda.

Premium yang anda bayar akan dipinda bergantung pada pelan pemanduan yang anda pilih.

b) Apa yang berlaku sekiranya saya melebihi jarak tempoh yang diperuntukkan?

Sekiranya anda telah melebihi jarak tempoh yang diperuntukkan dan jarak tempoh tambahan sebelum akhir tempoh di mana anda diinsuranskan, anda hanya akan dilindungi untuk kecederaan anggota badan atau kematian pihak ketiga dan kerosakan harta benda

#### **NOTA PENTING**

Penting untuk memastikan anda kekal dalam jarak tempoh yang diperuntukkan. Tuntutan sekiranya anda melebihi jarak tempoh yang diperuntukkan akan mengubah polisi anda menjadi polisi Pihak Ketiga. Ini boleh menyebabkan beban kewangan. Contohnya merangkumi:

- Anda tidak akan menerima pembayaran dari kami atas tuntutan kerosakan atau kecurian. Oleh itu, anda perlu menanggung kos ini sendiri.
- Anda akan diminta untuk menanggung jumlah pinjaman yang belum dijelaskan sekiranya kenderaan anda masih dalam Pembelian Sewa.


Walau bagaimanapun, beban di atas tidak akan dikenakan kepada anda sekiranya anda menaikkan tambah nilai polisi anda ke tahap pelan pemanduan seterusnya atau ke Perlindungan Jarak Tempoh Penuh, sebelum anda melebihi jarak tempoh yang di diperuntukkan.

pihak ketiga tetapi tidak dilindungi kehilangan dan kerosakan kenderaan anda di sebabkan oleh kebakaran atau kecurian.

Untuk kepentingan anda sendiri, tambah nilai harus dilakukan sebelum peruntukan jarak tempoh dicapai. Anda tidak akan dibenarkan untuk menambah nilai setelah sesuatu kejadian berlaku sekiranya anda telah melebihi jarak tempoh yang anda peruntukkan. Oleh itu, adalah penting untuk memantau jarak tempoh perjalanan anda dan menambah polisi anda ke tahap jarak tempoh seterusnya atau ke jarak tempoh penuh jika anda fikir anda akan melebihi jarak tempoh yang anda peruntukkan pada akhir tempoh tersebut.

Ilustrasi di bawah memberikan contoh di mana anda telah membeli perlindungan kurang dari 5.000 kilometer:

21,501 kilometer (bacaan odometer permulaan anda)                  27,001 kilometer  
(pengakhiran perlindungan Jarak Tempoh Terhad anda)



- c) Berapa jumlah tambah nilai diperlukan untuk menikmati liputan penuh?  
 Tambah Nilai yang diperlukan adalah perbezaan antara premium yang dikenakan pada peringkat seterusnya untuk jarak tempoh yang diperuntukkan atau Perlindungan Jarak Tempoh Penuh dan premium yang dikenakan pada jarak tempoh semasa anda.

	<b>Premium (RM)</b>
Jarak tempoh yang diperuntukkan semasa (kurang dari 5,000km)	100
Peringkat seterusnya untuk jarak tempoh yang diperuntukkan (Kurang daripada 10,000km)	120
<b>Tambah Nilai Premium</b>	<b>20</b>

*Nota: Jadual di atas hanya untuk ilustrasi sahaja*

- d) Apa itu Jarak Tempoh Tambahan?  
 500km tambahan diberikan kepada anda jika anda melebihi jarak tempoh perjalanan anda sebelum akhir tempoh polisi anda.
- e) Apa yang berlaku sekiranya saya melebihi jarak tempoh yang saya peruntukkan satu bulan sebelum akhir tempoh polisi saya?  
 Sekiranya anda telah melebihi jarak tempoh yang diperuntukkan dan jarak tempoh tambahan anda, dan anda belum menambah nilai, anda akan dilindungi hanya untuk kecederaan anggota badan pihak ketiga atau kematian dan kerosakan harta benda pihak ketiga tetapi tidak dilindungi kehilangan dan kerosakan kenderaan anda di sebabkan oleh kemalangan, kebakaran atau kecurian.
- f) Bolehkah saya menukar julat perlindungan jarak tempoh yang saya pilih?  
 Setelah perlindungan dimulakan, anda boleh menambah tambah nilai jarak tempoh seterusnya yang tersedia atau ke Perlindungan Jarak Tempoh Penuh dengan membayar premium tambahan. Maksimum 2 Tambah Nilai dibenarkan. Sekiranya anda membuat tambah nilai untuk kali kedua, anda hanya boleh tambah nilai Perlindungan Jarak Tempoh Penuh sahaja.

Pelan jarak tempoh anda yang diperuntukkan sekarang akan diganti dengan pelan jarak tempoh Tambah Nilai baru anda.

- g) Bolehkah saya mendapatkan bayaran balik untuk jarak tempoh yang tidak digunakan?  
 Tidak, tidak akan ada pengembalian wang atau bawa baki jarak tempoh yang tidak digunakan semasa anda memperbaharui insuran.
- h) Apa kah tanggung jawab anda?
  - Menyediakan foto dan pembacaan odometer tepat pada permulaan polisi, pembaharuan atau tuntutan anda;
  - Memastikan untuk menetapkan tahap perlindungan jarak tempoh yang mencukupi untuk tempoh insurans anda;
  - Periksa odometer anda secara berkala untuk memastikan tahap perlindungan jarak tempoh anda tidak habis. Tambah nilai bila perlu;
  - Pastikan bacaan odometer anda berfungsi sepanjang masa.
  - Hantarkan gambar bacaan odometer anda melalui aplikasi mudah alih kami pada bila-bila masa untuk mendapatkan pengesahan baki jarak tempoh.

- i) Apa yang perlu anda tahu?  
 Kami berhak untuk memeriksa bacaan odometer yang anda berikan dengan:
  - Memeriksa kereta anda;
  - Meminta anda membawa kereta anda ke Ejen yang kami pilih; atau
  - Meminta dokumen, seperti gambar rekod servis kereta anda.

Kami akan menghubungi anda dalam masa 14 hari selepas anda membeli polisi ini:

- Untuk memastikan anda mengetahui sepenuhnya tentang faedah dan ciri-ciri produk ini;
- Untuk memastikan anda telah menghantar foto odometer yang tepat dan sepadan

- dengan bacaan odometer yang anda masukkan; atau
- Untuk membolehkan anda membuat pembatalan dengan bayaran balik penuh (anda perlu membatalkan cukai jalan anda terlebih dahulu), menukar insuran anda kepada Komprehensif (dengan membayar premium tambahan kepada kami) atau produk insuran Pihak Ketiga,Kebakaran dan Kecurian (kami akan mengembalikan premium lebihan kepada anda).

Sekiranya 3 percubaan kami gagal untuk menghubungi anda, kami akan menganggap anda telah memahami sepenuhnya polisi ini dan ingin terus mendapat perlindungan.

Kami tidak akan membayar sebarang tuntutan kerosakan kenderaan anda di sebabkan kemalangan, kebakaran atau pengembalian setelah kecurian, di mana odometer kereta anda:

- Telah dirosakkan, diganti atau dimanipulasi untuk tujuan mengubah bacaan odometer;
- Ia tidak berfungsi dan anda masih belum memperbaikinya; atau
- Bacaan pada permulaan polisi tidak betul; atau
- Bacaan pada permulaan polisi tidak sepadan dengan foto odometer.

#### **4. Berapa premium yang perlu saya bayar?**

Jumlah premium yang perlu anda bayar terdiri daripada jumlah premium perlindungan standard dan pelarasan berdasarkan pelan jarak tempuh anda. Ia akan berbeza bergantung pada pelan yang dipilih dan diskaun tanpa tuntutan (NCD) dan keperluan pengunderaitan syarikat insurans.

Jumlah premium perlindungan standard dikira menurut harga faktor De-Tarif.

Perlindungan untuk jarak tempuh tambahan akan dikenakan premium tambahan.

#### **5. Berapakah yuran dan caj yang perlu saya bayar?**

Jenis	Jumlah
• Komisen dibayar kepada Ejen insurans	• 10% daripada premium
• Duti Setem	• RM10
• Cukai Jualan dan Perkhidmatan	• 6% daripada premium

#### **6. Apakah terma dan syarat utama yang harus saya ketahui?**

- Kewajiban Pendedahan
  - a) Kontrak Insurans Pengguna:
    - Mengikut Perenggan 5 dari Jadual 9 Akta Perkhidmatan Kewangan 2013, jika anda memohon insurans ini keseluruhannya untuk tujuan yang tidak berkaitan dengan perdagangan, perniagaan atau profesion anda, anda bertanggung jawab mengambil langkah yang munasabah untuk tidak membuat salah nyataan semasa menjawab apa-apa soalan dalam Borang Cadangan (atau semasa anda memohon insurans ini). Anda sepatutnya menjawab soalan dengan tepat dan sepenuhnya.
    - Kegagalan untuk berhati-hati dalam menjawab soalan boleh mengakibatkan kami mengelak kontrak insurans anda, menolak atau mengurangkan tuntutan anda, menukar terma atau menamatkan kontrak insurans anda.
    - Tugas pendedahan di atas akan berterusan sehingga masa kontrak insurans anda dimeterai, diubah atau diperbaharui dengan kami.
    - Selain menjawab soalan dalam Borang cadangan (atau ketika anda memohon insurans ini), anda diminta untuk mendedahkan perkara lain yang anda tahu sebagai berkaitan dengan keputusan kami sama ada untuk menerima risiko dengan kadar dan terma yang hendak di pakai.
    - Anda juga bertanggungjawab untuk memberitahu kami dengan serta merta jika pada bila-bila masa selepas kontrak insurans anda berkuat kuasa, semasa memohon

dengan kami untuk membuat perubahan atau memperbaharui, apa-apa maklumat yang di beri di dalam Borang Cadangan (atau semasa anda membuat permohonan insurans ini) tidak tepat atau telah berubah.

b) Kontrak Insuran Bukan Pengguna:

- Menurut Perenggan 4 (1) Jadual 9 Akta Perkhidmatan Kewangan 2013, jika insuran yang Anda pilih ini berkaitan sepenuhnya dengan perdagangan, perniagaan atau profesion anda, anda bertanggungjawab mendedahkan apa-apa perkara yang anda tahu sebagai berkaitan kepada keputusan kami sama ada untuk menerima risiko dengan kadar dan terma yang hendak di pakai, serta apa-apa perkara seorang yang munasabah dalam hal keadaan itu boleh di jangkakan tahu sebagai berkaitan, kegagalan berbuat demikian boleh menyebabkan kami mengelak kontrak insurans, menolak atau mengurangkan tuntutan anda, menukar terma atau menamatkan kontrak insurans anda.
  - Kewajipan pendedahan di atas hendaklah di teruskan sehingga kontrak insurans anda dimeterai, diubah atau diperbaharui dengan kami.
  - Anda juga bertanggungjawab untuk memberitahu kami dengan serta merta jika pada bila-bila masa selepas kontrak insurans anda berkuat kuasa, semasa memohon dengan kami untuk membuat perubahan atau memperbaharui, apa-apa maklumat yang di beri dalam Borang Cadangan(atau semasa anda membuat permohonan insurans ini) tidak tepat atau telah berubah.
- Anda mesti mendedahkan semua fakta penting seperti kemalangan sebelumnya dan pengubabsuaian pada enjin.
  - Anda mesti mematuhi dan memenuhi terma, syarat, sokongan, klausa atau jaminan polisi; dan
  - Lebihan Ekses iaitu jumlah kerugian yang anda perlu tanggung jika kenderaan anda di pandu oleh seseorang yang tidak di namakan di dalam polisi anda, berusia bawah 21 tahun atau pemegang Lesen Memandu Sementara(P) atau Percubaan(L) : RM400

*Nota: Senarai ini tidak lengkap. Sila rujuk kontrak polisi untuk terma dan syarat penuh di bawah polisi ini.*

**7. Apakah pengecualian utama di bawah polisi ini?**

Polisi ini tidak melindungi kerugian tertentu, seperti:

- Kematian atau kecederaan anda akibat kemalangan motor;
- Liabiliti terhadap tuntutan daripada penumpang di dalam kenderaan anda;
- Kerugian, kerosakan atau liabiliti yang disebabkan oleh kejadian semula jadi iaitu banjir, ribut atau tanah runtuh (kecuali dilindungi melalui Endorsmen);
- Kehilangan akibat dari sebarang sifat semulajadi; dan
- Kehilangan penggunaan kenderaan anda (kecuali dilindungi melalui Endorsmen).

*Nota: Senarai ini tidak lengkap. Sila rujuk kontrak polisi untuk senarai pengecualian penuh di bawah polisi ini.*

**8. Bolehkah saya membatalkan polisi saya?**

- Anda boleh membatalkan polisi anda pada bila-bila masa dengan menghubungi kami;
- Selepas pembatalan, anda layak mendapat pembayaran balik premium berdasarkan kadar tempuh pendek, di mana premium minimum yang dibayar (melebihi 4 bulan) di bawah polisi ini tidak akan dikembalikan;
- Kami juga boleh membatalkan polisi ini dengan memberi anda notis bertulis 14 hari melalui surat berdaftar ke alamat terakhir anda yang diketahui; dan
- Sekiranya berlaku pembatalan oleh kami, anda layak mendapat pembayaran balik secara prorata dari tempuh insuran yang belum tamat yang dikira dari tarikh pembatalan hingga tarikh luput polisi.

**9. Apa yang perlu saya lakukan sekiranya terdapat perubahan pada maklumat butiran peribadi saya?**

Penting untuk anda memaklumkan kepada kami tentang sebarang perubahan dalam butiran peribadi anda untuk memastikan bahawa semua surat-menyerat sampai kepada anda tepat pada masanya.

**10. Di mana saya boleh mendapatkan maklumat lebih lanjut?**

Sekiranya anda memerlukan maklumat tambahan mengenai insurans motor, sila rujuk kepada risalah Info Insuran tentang 'Insuran Motor', yang boleh di dapat di semua cawangan kami atau anda boleh mendapatkan senaskhah dari Ejen insurans atau layari [www.insuranceinfo.com.my](http://www.insuranceinfo.com.my) atau [www.poi2u.com](http://www.poi2u.com)

Sekiranya anda mempunyai sebarang pertanyaan, sila hubungi kami di:

Pacific & Orient Insurance Co. Berhad  
11th Floor, Wisma Bumi Raya,  
No. 10, Jalan Raja Laut,  
50350 Kuala Lumpur.  
Tel : 03-2698 5033  
Faks : 03-2693 8145  
E-mel : poi2u@pacific-orient.com

**11. Lain-lain jenis perlindungan insuran motor yang boleh di dapat:**

- Insuran Kereta Persendirian Komprehensif
- Insuran Kereta Kecurian Pihak Ketiga dan Kebakaran

**NOTA PENTING:**

**ANDA MESTI PASTIKAN KENDERAAN ANDA DIINSURANSKAN PADA JUMLAH YANG BERSESUAIAN MEMANDANGKAN IA AKAN MENJEJASKAN JUMLAH YANG BOLEH DITUNTUT. SEKIRANYA BERLAKU KEMALANGAN, ANDA DINASIHATKAN UNTUK BERURUS DENGAN BENGKEL YANG TELAH DILULUSKAN. JIKA ANDA MEMPUNYAI PERLINDUNGAN KOMPREHENSIF DAN ANDA TIDAK BERSALAH, ANDA DINASIHATKAN UNTUK MENGHANTAR TUNTUTAN ANDA KEPADA SYARIKAT INSURANS ANDA. ANDA HARUS MEMBACA DAN MEMAHAMI POLISI INSURANS DAN BERBINCANG DENGAN EJEN ATAU MENGHUBUNGI TERUS SYARIKAT INSURANS UNTUK MAKLUMAT LANJUT.**

Maklumat yang diberikan dalam lembaran pendedahan ini sah pada Mac 2020.

Maklumat yang di berikan dalam lembaran pendedahan ini adalah penerangan secara ringkas, cepat dan mudah. Terma-terma dan syarat-syarat tepat yang di perlukan ada terkandung di dalam kontrak polisi.

*Pacific & Orient Insurance Co. Berhad adalah dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 dan dikawal oleh Bank Negara Malaysia.*